

30/01/2000

Globalisasi: Malaysia, Perancis sependapat

Azizi Othman in Paris

PARIS: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan berganding bahu dengan Perancis untuk menyuarakan pendirian tegasnya berhubung pelbagai kepincangan dalam isu globalisasi di pentas antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, langkah itu dapat diambil kerana Perancis ialah satu-satunya negara maju yang mempunyai pendapat 'agak berbeza' dalam pelbagai isu berhubung globalisasi.

"Selain globalisasi, Perancis dan Malaysia sependapat dalam pelbagai isu berbanding negara maju lain," kata Dr Mahathir sejurus selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Jacques Chirac, di sini, semalam.

Menurut Dr Mahathir, dalam pertemuan makan tengah hari selama kira-kira dua jam di Elysee Palace itu, beliau dan Chirac sependapat globalisasi tidak semestinya baik kepada semua pihak.

"Saya rasa ia sesuatu yang baik kerana sekurang-kurangnya ada sebuah negara maju yang melihat globalisasi daripada perspektif yang agak berlainan dengan yang lain.

"Ketika ini terlalu banyak tekanan yang mengatakan dunia mesti tunduk kepada globalisasi sehingga sampai ke peringkat, sesiapa yang tidak bersetuju akan dituduh seolah-olah 'murtad'," katanya.

Dr Mahathir berkata, Perancis dan Malaysia sependapat perkembangan ini tidak membantu ke arah perbincangan terbuka berhubung globalisasi yang sepatutnya turut membabitkan pendapat orang lain.

"Soal pendapat kita yang berbeza ini bukanlah bermakna kita mahu bersikap keras kepala tetapi kita melihat globalisasi kebelakangan ini amat memusnahkan kita.

"Bagaimanapun, kebanyakan negara maju hari ini kelihatan terus mahu menjayakan globalisasi dengan sehabis daya dan mereka langsung tidak menghormati pendapat negara lain yang takut," katanya.

Menurut Perdana Menteri, Chirac bersetuju pelbagai institusi antarabangsa harus mengambil kira pendirian semua pihak berhubung globalisasi dan tidak terhad kepada pemimpin negara dan perniagaan saja.

Dr Mahathir berkata, masalah dengan globalisasi ialah ia kini hanya bertumpu kepada kebebasan modal untuk merentasi sempadan bagi membeli apa saja untuk membunuh persaingan daripada pihak yang lemah.

"Jelaslah di sini globalisasi hari ini hanya menuju ke arah kewujudan oligopoli yang mana hanya beberapa syarikat besar dari negara maju mendominasi pelbagai cabang ekonomi," katanya.

Dr Mahathir berkata, perkara ini tidak akan baik kerana kita tidak dapat menjadi sebahagian daripada pemilik syarikat besar ini manakala kepentingan kita pula akan ditelan.

Dalam sidang akhbar itu, Perdana Menteri yang ditanya mengenai euro, berkata, Malaysia akan sentiasa meneliti perkembangannya kerana ia yang pada mulanya baik, kini sudah mula jatuh nilainya.

(END)